

13/10/1998

Raja Swaziland mula lawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Raja Mswati III dan Permaisuri Inkhosikati LaNgangaza dari Swaziland yang tiba di ibu negara semalam untuk lawatan negara selama enam hari, diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini, hari ini.

Ketibaan Raja Mswati III dan rombongannya disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, diikuti dengan tembakan meriam 21 das.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara juga dimainkan oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Raja Mswati III diberi penghormatan memeriksa barisan kehormat Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, yang dianggotai empat pegawai dan 103 anggota diketuai Mejar Romainor Mohamed.

Baginda kemudian diperkenalkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta barisan Kabinet.

Selepas majlis itu, baginda menerima menghadap Dr Mahathir di tempat penginapan rasminya di Hotel Renaissance, sebelum mengadakan pertemuan rasmi dengan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Raja Mswati juga menghadiri jamuan negara di Istana Negara.

Sepanjang lawatannya ke Malaysia, Raja Mswati akan melawat Menara Berkembar Petronas, Koridor Raya Multimedia, beberapa agensi pertanian dan pembangunan negara serta Melaka.

(END)